

"MENGAPA ANAK JADI DERHAKA?"

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita bertaqwa kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa. Iaitu melakukan yang makruf dan meninggalkan yang mungkar. Mudah-mudahan

kita semua selamat di dunia mahupun di akhirat. Ingatlah muslimin sekalian bahawa keingkaran kita kepada Allah hanya akan mendatangkan kemurkaan Allah SWT.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Anak ialah anugerah Allah yang tidak terhingga nilainya. Kehadirannya adalah lambang kebahagiaan dan juga lambang tanda kasih sayang seorang suami dan isterinya. Sebab itulah anak atau zuriat yang lahir akan disebut sebagai cahaya mata. Ia cahaya yang akan mewarnai kehidupan sesebuah keluarga yang mana sudah pasti cahaya yang lahir darinya ialah cahaya harapan bagi kebahagiaan dan kegembiraan malah anak juga adalah kebanggaan kepada agama kita.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Antara faktor utama yang menjadikan anak-anak derhaka ialah kurangnya pendidikan agama dan kesedaran beramal dengannya. Amatlah malang sekiranya kita mempunyai anak yang berjaya dalam pelajaran dan kerjaya tetapi bersikap buruk dan menderhaka kepada ibubapanya.

Anak-anak yang dididik dengan dengan mementingkan kebendaan semata-mata akan menilai kehidupan ini dengan aspek kebendaan sahaja, mengira untung rugi dan mengejar kemewahan. Sebab itu nanti akan muncul generasi yang beranggapan bahawa golongan orang tua khususnya ibubapa adalah sebagai beban dalam kehidupan mereka. Tiada kasih sayang atau belas ehsan tetapi yang difikirkan ialah bagaimana mahu melepaskan diri dari tanggungjawab dan bebanan tersebut.

Maka tidak hairanlah ada anak-anak yang sanggup menghantar ibubapa mereka ke rumah-rumah kebajikan. Malah yang menyedihkan ada juga tergamak meninggalkan ibubapa di tepi jalan kerana tidak sanggup menjaga kebajikan dan kehidupan mereka.

Sesungguhnya berbuat baik kepada ibubapa bermakna bakal mendapat layanan yang baik dari Allah SWT dan begitulah sebaliknya.

Hakikat ini perlu diterima oleh kita semua kerana tanpa ilmu agama, sudah tentu untuk menangani gejala penderhakaan terhadap kedua ibubapa amatlah sukar. Sedarilah bahawa pedoman yang paling berkesan ialah pedoman daripada panduan yang digariskan oleh Al-Quran dan As-Sunnah. Apa juga usaha jika tidak mengikut ajaran agama maka hasilnya akan menjadi sia-sia.

Pendekatan agama amat penting kerana akan melahirkan anak-anak yang beriman. Iman itu perlu dijaga dengan ibadah dan keduanya akan melahirkan manusia yang bersifat Ihsan. Pernah berlaku di zaman Saidina Umar Al-Khattab r.a , seorang bapa mengadu tentang penderhakaan anaknya. Saidina Umar memanggil anak yang menderhakai bapanya dan bertanya apakah benar perkara tersebut berlaku serta mengingatkan budak itu tentang besarnya dosa menderhaka ibubapa. Lalu budak itu bertanya kepada saidina Umar : “Tidakkah anak juga ada hak ke atas ibubapanya?”. Saidina Umar menjawab “Benar”. Bertanya anak tersebut “Apakah hak ibubap terhadap anak”. Saidina Umar Menjawab : “Hendaklah bapa memilih ibu yang solehah, memberi nama yang baik dan mengajarnya Al-Quran”. Budak tersebut menyatakan tiada satu pun hak tersebut dipenuhi oleh bapanya. Lalu Saidina Umar bertanya kepada bapa anak yang mengadu tadi dengan katanya : “Adakah kamu datang untuk mengadukan kepadaku kederhakaan anakmu? Kamu telah menderhakinya sebelum dia menderhaki kamu”. Kisah ini adalah sebagai iktibar kepada kita jika tidak mahu anak-anak kita menjadi seorang yang derhaka.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Sesungguhnya ibubapa adalah contoh tauladan dan guru yang akan mendidik dan turut mencorak sikap dan akhlak anak-anak mereka. Pendek kata apa saja yang dilakukan oleh ibubapa akan menjadi contoh kepada anak-anak. Sebab itulah Rasulullah s.a.w pernah bersabda: *“Setiap anak dilahirkan dalam fitrah (islam).Ibubapanyalah yang menjadikannya yahudi,nasrani atau majusi”.*
(Riwayat Al-Bukhari)

Dalam hadis lain daripada Anas Bin Malik, Rasulullah s.a.w pernah juga bersabda: *“Muliakanlah anak-anak kamu dan tunjukkanlah pada mereka adab yang baik”.* (Riwayat Ibnu Majah)

Terdapat juga dikalangan ibubapa yang terlalu memanjakan anak-anak

sehingga membiarkan anak-anak melakukan apa sahaja tanpa sekatan dan pemantauan yang selalunya tersasar dengan kehendak yang telah ditetapkan oleh Islam. Kemanjaan seperti ini pasti mengundang kemusnahan dan yang paling menyedihkan adalah anak itu akan menyalahkan ibubapanya sendiri.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Kejadian derhaka kepada ibubapa terlalu banyak menimbulkan penyakit sosial dalam masyarakat. Ianya bukan sekadar melibatkan kes seperti lari daripada rumah, berzina, penyalahgunaan dadah, penyelewengan akidah dan kadangkala berakhir dengan pembunuhan ibubapa itu sendiri. Kerosakan seperti inilah akan melemahkan ummah dan saat dinantikan oleh mereka yang mengambil kesempatan. Kelemahan inilah selalunya diambil kesempatan untuk mereka menyerap pelbagai serangan khususnya serangan pemikiran kepada umat Islam kerana sedar umat Islam yang dihimpit pelbagai masalah kehidupan memang mudah dipengaruhi dengan pelbagai dakyah. Malah dengan menggunakan pertubuhan-pertubuhan kebajikan mereka bergerak secara terancang dengan mendekati golongan atau mangsa anak-anak derhaka dengan memberi perhatian dan layanan yang boleh menggoncangkan iman.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Anak-anak adalah pelapis kepimpinan akan datang dan peneraju yang akan memastikan Islam itu dimartabatkan. Oleh yang demikian semua pihak perlu bersepadu menangani masalah ini. Untuk menangani masalah ini mereka perlu diberi tarbiyah Islamiyah dan bimbingan untuk menyelesaikan masalah kehidupan khususnya dalam menghadapi serta menangani masalah mereka. Sudah tiba masanya kaedah Islam diambil dalam merawat penyakit yang sedang melanda umat manusia pada masa kini.

Oleh itu, ibubapa hendaklah memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak-anak mereka. Antara peranan dan tanggungjawab ibubapa ialah;

Pertama : Ibubapa hendaklah mengajar anak-anak dan ahli keluarga dengan pendidikan agama yang sempurna.

Kedua : Ibubapa hendaklah menjadi model dan guru dalam membimbing keluarga.

Ketiga : Ibubapa hendaklah bertanggungjawab terhadap keluarga dalam usaha menjadikan kehidupan yang selesa.

Keempat : Ibubapa hendaklah berusaha membentuk akhlak dan

peribadi anak-anak mengikut cara hidup Islam.

Firman Allah SWT dalam Surah Luqman yg bermaksud:

“Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibubapanya, ibunya yang telah mengandungkannya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun, (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibubapamu serta kepada Aku jua tempat kembali”.

(Luqman: 14)